

KENYATAAN MEDIA

27 SEPTEMBER 2018

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)

No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.

T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

Suruhanjaya Tenaga Bantu Tambah Baik Sistem Pendawaian Sekolah Tahfiz

Sentul, 27 Sept – Suruhanjaya Tenaga (ST) sekali lagi menjalankan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dengan membantu memeriksa dan menambah baik sistem pendawaian sebuah sekolah tahfiz iaitu Sekolah Tahfiz Darul Furqan, Padang Balang, di sini.

Antara penambahbaikan yang dilakukan melalui program yang dikenali sebagai program *Touch Point* itu termasuklah penambahan pendawaian terhadap punca-punca kuasa dan kipas, penggantian lampu-lampu yang rosak, penukaran kotak papan agihan dan penambahan alat-alat perlindungan.

Dalam Majlis Penghargaan yang diadakan di sini hari ini, Pengarah Operasi Kawasan dan Penguatkuasaan ST, Ir Md Zakuan bin Ibrahim berkata ST sekitar 10 buah tahfiz di seluruh negara telah dipilih untuk program seperti ini tahun ini.

Beliau berkata melalui analisa yang dijalankan oleh ST, kebanyakan kes kemalangan dan kebakaran yang berlaku adalah berpunca dari kecuaiannya pengguna yang tidak mengambil berat soal pendawaian yang selamat dan alat perlindungan yang sempurna.

Pada masa ini katanya, masih ramai yang belum tahu mengenai kepentingan komponen Peranti Arus Baki (PAB) dalam sistem pendawaian elektrik yang mampu melindungi pengguna daripada renjatan elektrik sekiranya berlaku kebocoran arus atau litar pintas.

“Justeru, ST mengambil inisiatif untuk menjayakan program-program kesedaran dan kemasyarakatan bagi meningkatkan pemahaman orang ramai mengenai kepentingan PAB ini.

Ini kerana PAB memerlukan pengujian secara berkala bagi memastikan ia dapat berfungsi dengan baik dan dapat melindungi nyawa,” katanya.

Selain Majlis Penghargaan, Seminar Keselamatan Elektrik, Kecekapan Tenaga dan Keselamatan Gas turut diadakan, untuk meningkatkan pengetahuan pelajar-pelajar tahfiz berkenaan mengenai topik tersebut.

Program CSR ini dilaksanakan melalui kerjasama dengan Institut Kemahiran Mara Kuala Lumpur. Turut hadir adalah Pengarah Kawasan ST Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur & Putrajaya), Ir Md Rasdi Abdullah.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Siti Suhaila Ahmad/Zairulliati Mali

Unit Promosi & Komunikasi

Tel: +603 8870 8500 / +603 8870 8554 /+603 8870 8598

Hp: +6013 2183778 (Zairulliati)

Faks: +603 8888 8636

Emel: sitisuhaila@st.gov.my/ zairulliati@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, terutamanya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. ST memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.